

27/10/1997

PM tiba di Slovenia hari ini

LJUBLJANA (Slovenia), Ahad - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tiba di sini esok untuk memulakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Republik Slovenia.

Dr Mahathir yang akan diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual tiba di ibu kota negara Eropah Tengah itu pada jam 5.30 petang waktu tempatan.

Slovenia adalah negara pesisir Laut Adriatik dengan bersempadankan Croatia, Austria, Hungary dan Itali.

Dr Mahathir akan memulakan acara rasmi dengan menghadiri majlis jamuan rasmi sebagai tetamu Perdana Menteri Slovenia, Janez Drnovsek.

Beliau akan mengadakan perbincangan dengan Drnovsek pada hari kedua di pejabat Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga akan berucap pada mesyuarat ahli perniagaan dan melawat projek pembangunan dan pelancongan. - Bernama

(END)